

Gah!

Gaya Hidup • Artistik • Hiburan

Kerjaya yang dibina dua karyawan ini dalam sektor pembangunan belia menjadi lebih bermakna apabila anak muda yang diasuh dan diperkasa dengan ilmu dan kemahiran hidup menampakkan kemajuan. Pelbagai usaha mempertingkatkan diri mereka sendiri dijalankan bagi memastikan mereka dapat terus membawa nilai tambah dalam kehidupan anak didik mereka. Apakah nikmat berada dalam sektor belia? Wartawan HARYANI ISMAIL (haryani@sph.com.sg) melaporkan.

Dalami daya fikir dan emosi anak didik untuk berjaya

IMPIAN pendidik bersekutu Encik Saiful Reduwan Mohamed Noor dalam memburu segulung ijazah Sarjana Muda dalam Psikologi didorong keinginan memahami lebih mendalam daya fikir dan emosi anak didiknya.

Beliau yang mengajar Sejarah di sebuah sekolah di kawasan timur Singapura bahkan bersyukur dan teruja melihat perubahan positif dalam diri beberapa bekas pelajar yang dahulunya pendiam, kaki memberontak atau kurang yakin dengan kebolehan sendiri.

Lantaran itu, berbekalkan ijazah idaman yang diraih daripada Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) baru-baru ini, Encik Saiful, 34 tahun, ingin meninjau pelbagai cara memperluaskan khidmatnya dalam sektor belia.

Antara yang difikirkan secara jangka panjang adalah membangun projek keusahawanan sosial, terlibat dalam kaunseling profesional mahupun meneroka peluang sebagai pensyarah kemahiran hidup.

Buat masa ini, Encik Saiful juga gigih memperkasa belia dalam sukan ‘floorball’ dan muzik.

Beliau adalah Bendahari Persatuan Floorball Tampines yang dianggotai lebih 200 belia. Mereka terbahagi kepada enam kumpulan lelaki dan wanita yang bertanding dalam liga ‘floorball’ di sini.

Tugas selaku pengurus bagi penyanyi rap muda, ArtDeen, 22 tahun, yang merupakan bekas pelajarnya turut digalas.

ArtDeen yang nama sebenarnya, Muhammad Ad-Deen Khairy, sedang dalam proses menghasilkan single pertamanya.

Ketika ditemui *Gah!* di pejabat Adara Picture Office sekitar Defu Lane, baru-baru ini, Encik Saiful yang meminati seni foto dan video, berkata:

“Kerja-kerja dalam sektor belia sudah mendarah daging dalam diri saya. Seawal usia 14 tahun, saya telah pun menawarkan khidmat sukarela kepada pelbagai badan Melayu/Islam.

“Demi meraih lebih banyak pengalaman berbeza, saya akan berhijrah dari satu pertubuhan ke pertubuhan lain. Antara yang pernah saya jalankan adalah sebagai pembimbing belia di Angkatan Karyawan Islam (AMP) dan Persatuan Persuratan Pemudi Melayu (4PM).

“Saya dapati ada banyak potensi dan bakat dalam masyarakat kita. Sayangnya, kerap kali kita tidak tahu bagaimana untuk memasarkan mereka sebagai sebuah jenama atau menyerlahkan lagi kebolehan mereka itu.”

Beliau akui kebanyakan remaja mudah berubah hati terhadap bidang kemahiran atau ilmu yang ingin diceburi.

Encik Saiful yang sudah tujuh tahun bertugas sebagai pendidik bersekutu pernah melalui tempoh percubaan dan kegagalan dalam hidup. Ia mendewasakannya.

Meskipun memiliki Diploma Infokom daripada Politeknik Temasek, beliau meny-



TERUJA DAPAT SUNTIK SEMANGAT BARU: Pendidik bersekutu, Encik Saiful Reduwan Mohamed Noor (dua dari kiri) yang baru-baru ini meraih ijazah Sarjana Muda Psikologi daripada Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) terharu bekas pelajarnya (dari kanan) Encik Sharham Sridhar, Cik Nur Liyana Abdul Samad dan Encik Muhammad Ad-Deen Khairy kini membangun cita-cita dalam bidang seni, grafik dan muzik. – Foto-foto BM oleh HARYANI ISMAIL

dari dirinya tersilap memilih kursus yang boleh dijadikan sandaran dalam membina kerjaya.

Selaras tamat Perkhidmatan Negara (NS), beliau bekerja sebagai pegawai khidmat penumpang di Lapangan Terbang Changi.

Bidang pendidikan akhirnya diceburi meskipun permohonan pertama tidak diterima.

“Apabila melihat sebilangan pelajar saya berjaya mencari tukikan dalam bidang akademik, seni atau sukan, itulah detik paling menggembirakan. Kadangkala saya berselelah, mereka ibarat ‘tikus ujian’ atau ‘test rat’ saya dalam mencari formula bagi memberi semangat baru kepada belia secara umum,” kongsinya.

Beliau bahkan gembira melihat bekas pelajarnya, Cik Nur Liyana Abdul Samad, 22 tahun, yang bermastautin ke Perth, Australia kini membina minat dalam rekaan grafik dengan mengambil kursus ijazahnya.

Kata Cik Nur Liyana yang kini kembali ke Singapura bagi program bekerja sambil belajar di akbar *The Straits Times*:

“Apabila saya berpindah dengan keluar ke Perth, saya perlu menyesuaikan diri saya dengan perubahan gaya hidup dan pendidikan.

“Kalau ada perkara yang merunsingkan saya, saya boleh bertanya kepada Cikgu Saiful bila-bila masa. Beliau sudi memberikan buah fikirannya dan membantu saya.

“Ada orang mungkin kata, tak ‘cool’ berkawan dengan guru tetapi tentunya seronok ada guru yang boleh diajak berbincang dan bergurau seperti anggota keluarga sendiri.”

Ad-Deen yang akur dirinya pendiam dan tiada arah tuju di aliran Normal (Teknikal) di sekolah menengah pula menambah:

“Cikgu Saiful sering membakar semangat saya agar berani tampilan bakat ‘rap’ saya. Dulu memanglah saya segan sebab terasa saya dipandang rendah kerana berada di aliran Normal (Teknikal).”

“Beliau juga berpesan kepada saya bahawa penguasaan bahasa Inggeris saya boleh diperbaiki dengan mendengar seni kata lagu. Dari situ, saya belajar hasilkan lirik lagu rap

saya sendiri yang bermakna dan menggambarkan pengamatan saya tentang keadaan sekeliling.

“Cikgu ibarat abang saya sendiri. Beliau dapat memberi nasihat tentang apa sahaja kesulitan tentang hidup yang saya hadapi. Beliau percaya pada bakat saya dan kini mengruskan aktiviti seni saya.”

Encik Sharham Sridhar, 20 tahun, yang mengambil kursus Diploma Pengurusan Seni daripada Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) pula menyifatkan Encik Saiful sebagai pendidik yang peka terhadap masa depan pelajarnya.

“Saya lebih banyak belajar tentang kemahiran hidup daripadanya. Sewaktu saya tercicir daripada kursus kejuruteraan elektrikal dan elektronik di Politeknik Singapura, itu lah tempoh paling mendukacitakan buat saya.”

“Saya banyak berbincang dengan Encik Saiful. Beliau secara tidak langsung menerapkan dalam diri saya tentang nilai hidup seperti kerja keras demi membina cita-cita, menghormati dan menyayangi ibu bapa, gaya per-

tuturan dan berihsan dengan orang sekeliling.

“Kalau tidak kerana beliau, saya tidak mungkin dapat menggilap keyakinan diri saya berbulu di khayal ramai. Beliau ajak saya serta satu kegiatan Kelab Pidato,” tambahnya.

Terharu dengan kata-kata anak didiknya, Encik Saiful menambah:

“Setiap seorang daripada mereka punya kekuatan yang tidak boleh dipersia-siakan.”

“Saya bangga melihat Ad-Deen keluar daripada kepompongnya untuk mencipta lagu dan tidak lama lagi mengeluarkan single.”

“Saya lihat kesungguhan Liyana dalam bidang rekaan grafik. Sharham pula diberi kepercayaan oleh sebuah syarikat pengangur acara ternama agar mewakili mereka dalam mesyuarat bagi acara gah.”

“Beliau bukan sahaja menari tetapi terlibat dalam perancangan Pesta Chingay. Pokoknya, saya tidak pernah berputus asa dengan usaha memberi mereka semangat baru selepas setiap kegagalan atau ketidakpastian.”